

## **Perbaikan Tingkah Laku Bermasalah Kanak-Kanak Sekolah Rendah Melalui Terapi Kognitif–Tingkah Laku**

**Johari Talib**

UNITAR International University

**Maharam Mamat, Maznah Ibrahim, Zulkifli Mohamad**

Universiti Kebangsaan Malaysia

*Kajian ini berasaskan masalah peminggiran yang dilakukan oleh pentadbir sekolah rendah terhadap murid-murid yang mempunyai pencapaian sederhana dan rendah. Sekolah yang dijadikan sampel dalam kajian ini menjalankan sistem pengaliran dengan ketat dan pada masa yang sama memberi perhatian khas kepada murid-murid yang dijangka mendapat pencapaian cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Pendekatan Terapi Kognitif-Tingkah laku (Cognitive-Behavioral Therapy) Model Kajian Tindakan Kaunseling Elliot (1991) telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 50 orang murid terpinggir telah diberikan perhatian melalui bimbingan kerja rumah, kaunseling individu, kaunseling kelompok, terapi muzik dan lukisan, serta mengikuti kem motivasi pada hujung minggu. Pada masa yang sama, ibu bapa murid turut diberikan khidmat kaunseling secara kelompok dan individu serta bimbingan keibubapaan. Dalam tempoh tiga bulan program ini dijalankan, didapati terdapat peningkatan yang ketara bagi konsep sendiri kanak-kanak, tingkah laku masteri dalam bilik darjah dan pencapaian murid yang lebih memberansangkan dalam tiga subjek yang diukur, iaitu, bacaan, matematik dan Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang mempunyai pencapaian sederhana dalam pelajaran di sekolah boleh mengalami penambahbaikan tingkah laku dan peningkatan pencapaian akademik jika diberi perhatian sewajarnya. Ini juga boleh menolak tanggapan bahawa golongan murid yang sederhana pencapaian mereka dalam akademik merupakan kumpulan kanak-kanak yang boleh mencacatkan reputasi keputusan peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah.*

**Kata kunci:** perbaikan, tingkah laku, peminggiran, pencapaian sederhana, Kognitif-Tingkah Laku, motivasi, keibubapaan

**SAPJ Code: 2030**

### **Pengenalan**

Masalah tingkah laku murid-murid dan pelajar sekolah di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan. Peningkatan kadar jenayah dan masalah sosial yang melibatkan kanak-kanak sekolah dan remaja bukan sahaja membimbangkan ibu bapa dan masyarakat, malah turut mempengaruhi prestasi guru dan sekolah (Baharom, 2006; Suboh, Azizi & Hamzah, 2011; Yahaya & Baharom, 2010). Pihak Polis di Raja Malaysia (PDRM) melaporkan bahawa kadar peningkatan krisis akhlak dalam kalangan remaja berada pada tahap menggerunkan. Pada tahun 2013 terdapat 1632 kes berbanding hanya 1042 kes pada tahun 2012, melibatkan kes-kes kekerasan seperti buli, gengsterisme dan merosakkan harta benda awam (Sinar Harian, 2014).

Talib (2009) mendapati bahawa kanak-kanak di sekolah rendah juga menghadapi pelbagai masalah yang serius. Kanak-kanak sekolah rendah didapati berhadapan pelbagai masalah tingkah laku terutama berkaitan pelanggaran disiplin, malah, turut melibatkan masalah yang lebih serius seperti pencapaian akademik yang rendah, kurang motivasi atau malas, tidak menghadiri kelas, ponteng, tingkah laku memusnah, ponteng tegar, mencuri, membawa dan mengedar bahan lucah, mengalami penderaan fizikal dan seksual, merokok dan ketagihan ganja, serta terdedah dengan pelacuran. Sekolah yang terletak di kawasan bandar pula berhadapan dengan golongan murid-murid sekolah rendah yang lebih agresif

sifatnya. Ada dalam kalangan mereka melibatkan diri dengan kegiatan membuli murid-murid lain yang lebih muda. Kegiatan ini menular dan berterusan sehingga murid tadi memasuki sekolah menengah (Yaakub, Nagappan & Jusoh, 2010). Bersandarkan banyak kajian didapati bahawa kebanyakan murid bermasalah tingkah laku datangnya daripada keluarga berlatarbelakangkan status sosio-ekonomi (*SES*) yang rendah. Tiga aspek utama *SES* ialah pendapatan isi rumah, tahap pendidikan dan status kerjaya ibu bapa. Ibu bapa yang mempunyai latar belakang *SES* tinggi mampu memberikan pelbagai kemudahan untuk kanak-kanak belajar serta berkemampuan untuk tinggal di kawasan kediaman yang lebih selesa (Bradley & Corwyn, 2002; Ready, 2010; Talib, 2003; Talib, 2009; Yaakub et al., 2010).

Kanak-kanak yang bermasalah tingkah laku kurang menarik perhatian rakan sebaya di sekolah. Mereka kurang menguasai kemahiran sosial untuk menyesuaikan diri dalam budaya sekolah yang berbentuk persaingan, tetapi mudah dipengaruhi oleh kumpulan rakan sebaya (Suboh, Azizi & Hamzah, 2011). Lebih menyedihkan, kanak-kanak ini turut menerima pelbagai bentuk diskriminasi daripada pihak sekolah, terutama dari dalam sistem pengaliran yang ketat. Sistem pengaliran yang dijalankan di sesetengah sekolah ini kadangkala terlalu ketat kerana tekanan untuk menghasilkan sejumlah murid yang dijangka mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (Talib, 2009). Dalam sistem pengaliran, seluruh murid di sekolah diasingkan berdasarkan pencapaian menyeluruh mereka iaitu; pencapaian tinggi (*above average*), sederhana dan rendah (Gamoran & Mare, 1989; Slavin, 1995). Sistem ini pada dasarnya bertentangan dengan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu yang menetapkan bahawa kanak-kanak tidak boleh didiskriminasikan dalam apa jua keadaan sekalipun. Sekolah sepatutnya memberikan sokongan yang lebih baik bagi mengisi kekurangan yang ada di rumah, bukannya mendiskriminasikan mereka (Esposito, 1999; Hamre & Pianta, 2001). Bab ini merupakan hasil kajian yang dilakukan bagi menguji keberkesanan terapi kognitif-tingkah laku dalam usaha untuk memperbaiki tingkah laku kanak-kanak bermasalah termasuk dalam pencapaian pelajaran mereka.

## Tinjauan Literatur

### **Teori Kognitif Tingkahlaku (*Cognitive-Behavior Theory, CBT*)**

Teori ini adalah gabungan teori kognitif dengan teori tingkah laku yang bermula pada tahun-tahun 1960an (Beck, 1976; Ellis, 1967; Eysenck 1960; Wolpe, 1958). Secara ringkas kognitif bermaksud kepercayaan, pemikiran, jangkaan, sikap dan persepsi individu, iaitu cara seseorang individu itu berfikir. Berdasarkan cara berfikir tersebut turut mempengaruhi cara mereka bertingkah laku (Hollon & Beck, 1994). Jika cara berfikir seseorang individu itu berbentuk negatif, maka tingkah laku yang wujud juga adalah negatif. Pemikiran berbentuk negatif ini juga menyebabkan ketidak selesaian kepada emosi, stres dan tingkah laku yang berbentuk memusnah diri (Ellis, 1967). Masalah ini boleh dibaiki melalui pelbagai intervensi yang memfokuskan kepada usaha melemahkan kepercayaan, fikiran dan sikap negatif sedia ada yang mempengaruhi tingkah laku seseorang. Pendekatan ini dilakukan kepada individu bermasalah yang berfungsi untuk menstrukturkan semula cara seseorang individu itu berfikir dan membuang sama sekali kesan-kesan negatif pemikiran dan tingkah laku memusnah diri (Kendall, et al, 2005). Pendekatan ini boleh dikembangkan menjadi satu bentuk terapi bertujuan mengubah tingkah laku negatif kepada positif secara konstruktif melalui pelbagai prosedur intervensi yang dijalankan oleh kaunselor. Walaupun terdapat pendapat mengatakan bahawa *CBT* sukar dilaksanakan kepada kanak-kanak tetapi dapatan kajian menunjukkan *CBT* boleh dilaksanakan dengan berkesan sekiranya kaunselor benar-benar dipercayai dan meyakini strategi tersebut (Grieger & Boyd, 1980).

Kajian tentang keberkesanan *CBT* telah bermula mulai akhir tahun 1960-an dengan memberi penekanan kepada masalah-masalah seperti keadaan emosi, kebimbangan,

personaliti, tabiat pemakanan, penyalahgunaan dadah dan masalah emosi. Pada masa ini, *CBT* digunakan bagi rawatan pelbagai jenis penyakit berkaitan gangguan emosi seperti kemurungan, pasca traumatik dan sindrom keletihan. Rentetan daripada masalah emosi tidak sahaja mempunyai kaitan dengan masalah emosi lain seperti insomnia, depresi, dan kebimbangan yang berlebihan, tetapi juga berkaitan dengan masalah tingkah laku seperti enggan pergi ke sekolah, sikap memusnah diri, kurang bermotivasi dan cubaan membunuh diri (Rosello, Bernal & Rivera-Medina, 2008). Kajian tentang *CBT* menjelaskan bahawa *CBT* didapati berkesan jika diaplikasikan dalam tempoh masa yang sesuai, iaitu sekurang-kurangnya tiga bulan. Dalam tempoh tersebut, pelbagai laporan melibatkan proses pemerhatian, pemantauan tingkah laku dan laporan perkembangan klien tahap demi tahap dilakukan (Freemont, 2003; Rosello et al., 2008). Dalam proses menggunakan Pendekatan *CBT*, pelbagai intervensi dilakukan termasuk perlibatan ibu bapa melalui bimbingan dan kaunseling keibubapaan. Bimbingan dan kaunseling keibubapaan ini dilakukan untuk memerangi fikiran negatif yang tertanam sekian lama, mengembalikan sikap positif kanak-kanak, dan memberikan pelbagai bentuk kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, mengawal emosi, mengawal diri dan mendisiplinkan diri secara menyeluruh. Ghafoori & Tracz (2004) telah menganalisis 27 penyelidikan tentang keberkesanan *CBT* telah merumuskan bahawa kanak-kanak yang menerima terapi *CBT* mempamerkan tingkah laku bermasalah pada tingkat yang lebih rendah berbanding kanak-kanak yang tidak mengikuti *CBT*. Kadar penurunan tingkah laku bermasalah adalah dipengaruhi oleh *SES*.

## Metodologi

### Kerangka Kajian dan Langkah-langkah Pengumpulan Data

Kerangka kajian ini pada dasarnya diasaskan oleh Model Kajian Tindakan Kaunseling (Elliot, 1991) dengan menggunakan pendekatan khusus *CBT* untuk melakukan langkah-langkah perbaikan tingkah laku. Langkah-langkah perbaikan dilakukan sebagai cara untuk mencegah, memperbaiki dan memberi rawatan terhadap tingkah laku bermasalah kanak-kanak. Penyelidikan ini menggunakan kaedah ekperimental satu kumpulan (*single-group experimental research design*) dengan mengemukakan pendekatan yang dirumuskan sebagai *O1 X O2* (Campbell & Stanley, 1963). Dalam kaedah ini, sekumpulan responden yang bermasalah disiplin dipilih menjadi peserta kajian dan diberikan ujian pra (*O1*) dan ujian pasca (*O2*) dengan pemisah antara kedua-dua ujian tersebut ialah pelbagai bentuk intervensi *X*. Kumpulan kanak-kanak yang dipilih sebagai peserta kajian telah melalui proses pemerhatian dalam tempoh lebih dari tiga bulan oleh guru yang mengajar dalam bilik darjah dan juga berdasarkan kes yang dirujuk kepada kaunselor oleh guru darjah atau guru disiplin. Bagi mendapatkan data berbentuk tingkah laku semasa (*baseline performance*), sampel diberikan ujian pra yang merangkumi soalan soal selidik berkaitan konsep sendiri, gaya keibubapaan dan tingkah laku kanak-kanak kepada ibu bapa.

Langkah-langkah pengumpulan data berasaskan model *CBT* melibatkan tujuh aspek intervensi iaitu kaunseling individu, kaunseling kelompok, bimbingan dan kaunseling keibubapaan, bimbingan akademik dan tiga bentuk terapi bagi kanak-kanak iaitu terapi bercerita, terapi lukisan dan terapi muzik. Kajian dijalankan dalam tempoh tiga bulan melibatkan tiga aspek tingkah laku kanak-kanak iaitu konsep sendiri, tingkah laku *learned-mastery*, tingkah laku *learned-helpless* dan pencapaian tiga subjek akademik berdasarkan ujian bulanan iaitu bacaan, Bahasa Melayu dan matematik (Kaufman & Kaufman, 1983; Wechler, 1974). Data asas dikumpulkan pada peringkat awal kajian, dan tiga kali pengumpulan data lain iaitu setiap akhir bulan semasa dilakukan intervensi. Semua data ini dibandingkan bagi mengukur keberkesanan program intervensi *CBT*.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah A di Negeri Sembilan. Sekolah ini pula merupakan sekolah terbesar di sebuah daerah. Pada tahun 2013, sekolah ini mempunyai seramai 1800 orang murid, dan 120 orang guru. Sekolah ini juga kerap diiktiraf sebagai sekolah terbaik di daerah tersebut dari segi pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan juga pelbagai aktiviti lain seperti sukan, perbahasan dan aktiviti pasukan beruniform. Sekolah ini turut menjalankan sistem pengaliran yang ketat seperti yang telah dibincangkan. Murid-murid sekolah ini diasingkan menurut sistem pengaliran yang ketat dengan tiga kelas utama iaitu kelas Bestari (terbaik), Gemilang (sederhana) dan, Tekun (lemah), kecuali bagi murid tahun 1. Kebanyakan murid yang ditempatkan dalam kelas Bestari merupakan kanak-kanak yang datang daripada keluarga *SES* menengah. Pada tahun 2013, pihak sekolah mempunyai 23 program penting sepanjang tahun dengan mendapat tajaan oleh pihak sekolah dan pihak luar. Walau bagaimanapun, daripada jumlah tersebut, hanya 5 program sahaja telah diperuntukkan kepada murid-murid yang sederhana dan lemah pencapaian mereka dalam pelajaran. Fokus utama bagi sebahagian besar program ini (17 program) adalah untuk murid-murid elit, iaitu murid-murid Kelas Bestari yang kebanyakan daripada mereka mempunyai latar belakang kelas menengah.

### **Responden Kajian**

Bersesuaian dengan perkembangan kognitif kanak-kanak dan berdasarkan penyelidikan lepas (Spence, Kettenmann, Kobal & McGlone, 2000; Worchel, Iuzzini, Coutant & Ivaldi, 2000) usia responden yang dipilih bagi kajian ini terdiri daripada murid berusia antara 9 hingga 11 tahun, terdiri daripada murid-murid lelaki dan perempuan dari Tahun 4 hingga tahun 6. Semua responden berketurunan Melayu. Murid-murid yang dipilih berdasarkan pemerhatian dan laporan guru selama tiga bulan. Mereka mempunyai pelbagai masalah disiplin seperti ponteng kelas, ponteng sekolah, merokok, malas belajar, tidak menyiapkan kerja rumah, tingkah laku memusnah, bercinta, dan menjadi ahli kumpulan pengacau/pembuli.

Saringan awal bagi pemilihan responden kajian melibatkan lebih 50 orang murid tetapi jumlah tersebut dibataskan oleh kos program, dan kemampuan guru dan kaunselor membuat pemantauan. Sebagai jalan penyelesaian, hanya murid yang boleh membaca dan mengira sahaja terpilih untuk kajian ini. Jumlah peserta kajian ialah 50 orang terdiri daripada 30 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan; 15 orang dari Tahun 4, 20 orang Tahun 5 dan 15 orang Tahun 6. Terdapat lima orang murid dari Tahun 4 memulakan persekolahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) tetapi dipindahkan ke sekolah ini kerana kegagalan menguasai Bahasa Mandarin. Turut menjadi sampel bagi kajian ini ialah ibu bapa bagi kanak-kanak yang menjadi responden kajian ini. Min bagi tiga subjek yang diukur ialah 34.6 peratus bagi bacaan, 26.3 peratus bagi Bahasa Melayu dan 17.2 peratus bagi matematik. Semua peserta datang dari keluarga yang mempunyai ibu dan bapa yang tinggal bersama. Purata pencapaian akademik ibu dan bapa hanya pada takat Pendidikan Menengah Rendah dan mempunyai pendapatan antara RM 500.00 hingga RM1800.00 sebulan.

### **Alat Kajian**

Terdapat tujuh alat kajian digunakan bagi tujuan pengumpulan data kajian ini, iaitu: (i) Latar belakang demografi keluarga peserta, (ii) Soal selidik Konsep Kendiri Kanak-Kanak (Liu & Wang, 2005), (iii) Soal selidik Gaya Keibubapaan, (Lamborn, Mounts, Steinberg & Dornbusch (1991) (iv) Soalselidik Tingkah laku Kanak-Kanak, (Fincham, Hakoda & Sanders, (1989), (v) Laporan sesi kaunseling bersama ibu bapa serta peserta, laporan terapi bercerita, muzik dan melukis yang dianalisis secara kualitatif, (vi) Laporan pencapaian markah responden yang merangkumi mata pelajaran matematik, bacaan, bahasa (Kaufman

& Kaufman, 1983; Wechler, 1974), dan, (vii) Log kerja rumah dan lain-lain tugas yang disediakan murid untuk ditandatangani oleh ibu bapa.

Soalan bagi soal selidik tingkah laku kanak-kanak mempunyai dua bahagian, iaitu *learning helpless* dan *learning mastery*. Soalan soal selidik gaya keibubapaan pula mengandungi tiga bahagian iaitu autoritarian, permisif dan autoritatif. Kajian rintis bagi menguji kesahan semua alat kajian telah dijalankan di sekolah tempat kajian ini dilakukan, iaitu melibatkan 50 orang kanak-kanak-kanak yang menjadi kumpulan sasaran kajian ini (subjek), 50 orang ibu bapa kanak-kanak peserta (30 orang ibu dan 20 orang bapa), dan 8 orang guru yang membuat penilaian terhadap subjek. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa ketiga-tiga alat kajian mempunyai *alpha coefficient* lebih dari 0.70 seperti berikut: Soal Selidik Konsep Kendiri Kanak-Kanak (Liu & Wang, 2005), 0.78, Soal Selidik Gaya Keibubapaan (Lamborn et al. 1991), 0.81 dan Soal Selidik Tingkahlaku Kanak-Kanak, 0.80 (Fincham, Hakoda & Sanders, (1989). Secara menyeluruh nilai *alpha coefficient* yang dihasilkan adalah hampir sama dengan nilai yang ditemui oleh penyelidik terdahulu.

### Analisis Data

Data bagi penyelidikan ini dikumpulkan melalui tiga lingkaran ujian berasaskan eksperimen pra-ujian dan ujian pasca dalam tempoh tiga bulan. Data juga dikumpul dari senarai semak perkembangan tingkah laku kanak-kanak dalam bilik darjah, laporan kemajuan murid selama tiga bulan, senarai semak tingkah laku daripada guru, gerak balas responden terhadap setiap item soal selidik konsep kendiri dan gerak balas ibu bapa peserta terhadap item soal selidik gaya keibubapaan. Artikel ini hanya melaporkan analisis data secara deskriptif dengan melihat perbandingan skor (kekerapan, peratus, min, sisihan lazim) bagi semua angkubah selama tiga lingkaran dalam tempoh tiga bulan, manakala data berbentuk kualitatif tidak dilaporkan.

### Keputusan

Dapatan kajian ini dirumuskan dalam Jadual 1 berikut;

**Jadual 1:** Taburan Min dan Sisihan Lazim Bagi Angkubah yang Diukur

Angkubah	SA	SD	B1	SD	B2	SD	B3	SD
<b>Skor Tiga Subjek (%)</b>								
Matematik	17.2	4	21.9	3.9	25	3.3	32.2	4.1
Bacaan	34.5	6	42.8	5.3	45.4	4.9	49.2	4.8
Bahasa Melayu	26.3	6	33.1	5.4	38.2	4.8	42.2	5.1
<b>Konsep Kendiri</b>	45	8.4	53	10.4	57	8.67	60	9.1
<b>Tingkahlaku Dalam Bilik Darjah</b>								
Learning Helpless	44	8.3	39	7.5	35.3	6.7	30	6.1
Learning Mastery	35	6.7	41	6.9	45.3	6.3	51	6.85
<b>Gaya Keibubapaan</b>								
Autoritarian	27.8	5.9	24.36	4.9	23.30	4.87	20.2	4.6
Permisif	22.5	4.5	16.40	4.4	11.7	4.5	9.0	4.4
Autoritatif	25.8	5.2	29.8	5.0	32.5	5.0	35.2	5.0

*Nota:* SA= Skor Asas, B1 = Bulan 1, B2 = Bulan 2, B3 = Bulan 3, SD = Sisihan Lazim

Jadual 1 menunjukkan taburan min dan sisihan lazim bagi skor tiga subjek yang diukur, iaitu; konsep kendiri, tingkah laku dalam bilik darjah dan gaya keibubapaan. Jika dibandingkan skor mata pelajaran matematik, pada permulaan program ini bacaan skor bagi



Min ialah 17.2, manakala skor *SD* adalah 4. Bacaan ini telah meningkat (Min 21.9, dan *SD* adalah 3.9) pada akhir bulan pertama, manakala skor Min meningkat menjadi 25 dan skor *SD* pula menjadi 3.3 pada bulan kedua. Skor bagi kedua-dua bacaan ini semakin meningkat pada bulan ketiga dengan bacaan adalah Min 32.2, manakala skor *SD* adalah 4.1.

Julat skor asas pada bulan ketiga ialah 15 peratus dengan *SD* tidak melebihi 4.1 menunjukkan bahawa hampir semua peserta mengalami peningkatan bagi skor matematik pada keseluruhannya. Peningkatan juga berlaku bagi subjek bacaan dan Bahasa Melayu yang menunjukkan satu pencapaian yang memberansangkan. Skor peserta didapati mengalami peningkatan dalam tempoh tiga bulan (sebanyak antara 14 hingga 15 peratus) dan ini mungkin boleh diperbaiki lagi jika peserta terus diberikan perhatian. Konsep sendiri peserta untuk kajian ini telah diukur dengan menggunakan 20 item soalan, dan hasil daripada itu didapati bahawa skor tertinggi ialah 100. Penilaian konsep sendiri peserta dilakukan pada tahap awal menunjukkan skor yang rendah, iaitu bacaan Min sebanyak 45, manakala skor untuk *SD* adalah 8.4. Selepas dilakukan penambahbaikan dalam tempoh tiga bulan, didapati berlaku peningkatan bacaan min menjadi 60, dan skor bagi *SD* adalah 9.1. Terdapat julat sebanyak 15 dalam kedua-dua bacaan ini dan ia merupakan satu angka yang agak besar, memberi gambaran dan penunjuk berlaku penambahbaikan terhadap konsep sendiri peserta yang ketara. Kebanyakan peserta didapati mengalami peningkatan Min antara 50 hingga 60.

Tingkah laku pembelajaran peserta dalam bilik darjah juga turut mengalami penambahbaikan dalam tempoh tiga bulan tersebut. Min skor bagi *learning helpless*, iaitu tingkah laku negatif dalam proses pembelajaran mereka telah mengalami pengurangan nilai daripada nilai Min 44 dan nilai *SD* 8.3 telah berkurang kepada skor baru Min sebanyak 30 dan nilai *SD* menjadi 6.1. Keputusan ini mempunyai julat sebanyak 14. Skor *SD* yang kecil nilainya menunjukkan bahawa skor kebanyakan peserta berada pada nilai yang hampir sama, iaitu menggambarkan mereka mengalami penambahbaikan tingkah laku. Sekiranya dilakukan perbandingan antara tingkah laku negatif *learning helpless* dan tingkah laku positif *learning mastery*, hasil kajian ini mendapati bahawa berlaku peningkatan dari sudut tingkah laku positif peserta. Bacaan skor bagi *learning mastery* telah meningkat dari Min sebanyak 35 dan *SD* sebanyak 6.7 menjadi bacaan Min sebanyak 51, dan *SD* pula sebanyak 6.85. Skor tertinggi bagi kedua-dua bentuk tingkah laku ini adalah 70, dan ini merupakan gambaran tentang berlaku penambahbaikan terhadap seluruh peserta yang terlibat. Pada keseluruhannya, peserta telah mengalami penambahbaikan tingkahlaku iaitu berada pada tahap 50 peratus daripada jumlah skor penuh.

Tiga gaya keibubapaan yang diukur dalam kajian ini ialah gaya autoritarian atau gaya bersifat kuku besi, gaya permisif iaitu anak-anak dibiarkan lepas bebas dan gaya autoritatif iaitu ibu bapa membuat permintaan yang tinggi terhadap anak, tetapi pada masa yang sama mereka juga turut memberikan sokongan yang tinggi juga (Baumrind, 1967; Maccoby & Martin, 1982; Steinberg, Lamborn, Dornbusch & Darling 1992). Daripada kajian ini didapati bahawa terdapat dua gaya keibubapaan yang negatif iaitu autoritarian dan permisif telah mengalami penambahbaikan. Gaya autoritarian pada peringkat awal mempunyai skor Min sebanyak 27.8 dan *SD* sebanyak 5.9, telah mengalami perubahan kepada nilai min sebanyak 20.2, manakala nilai *SD* pula sebanyak 4.6, dengan julat keseluruhan adalah 7.6. Bagi gaya permisif pula, penambahbaikan dapat dilihat daripada skor asal Min berjumlah 22.5, dan skor *SD* sebanyak 4.5 telah mengalami penurunan skor min kepada 9.0 manakala skor *SD* sebanyak 4.4, dengan julat sebanyak 13.3. Penambahbaikan terhadap kemahiran keibubapaan adalah kurang memberansangkan, menunjukkan bahawa ibu bapa memerlukan bimbingan keibubapaan yang lebih mendalam. Sungguhpun begitu, penambahbaikan paling jelas berlaku kepada gaya keibubapaan yang positif, iaitu autoritatif, dengan Min asal sebanyak 25.8 manakala skala *SD* adalah 5.2, mengalami peningkatan yang ketara iaitu skor min menjadi 35.2, manakala skor *SD* adalah

5.0, dan jumlah julatnya adalah 10. Secara keseluruhan, data ini menggambarkan bahawa peserta program telah mengalami penambahbaikan dalam semua aspek yang diukur.

### **Perbincangan**

Kajian yang dijalankan ini adalah berasaskan model kajian tindakan kaunseling Elliot (1991) dengan mencerpakan pendekatan terapi kognitif-tingkah laku/behavioris. Kajian ini dibataskan kepada sejumlah 50 orang peserta sahaja. Tempoh masa yang digunakan untuk menjalankan kajian ini pula adalah selama tiga bulan sahaja, walaupun penyelidik lepas (Kendall, Robin, Hedtke, Suveg, Falnery-Schroeder, & Gosch 2005; Freemont, 2003) mencadangkan supaya tempoh masa yang bersesuaian untuk melakukan penilaian dan pemerhatian ialah selama antara 3 hingga 6 bulan. Jadi, tempoh masa bagi kajian ini sebenarnya berada pada tahap paling minimum kerana dibatasi oleh kekangan kos dan tenaga penggerak kajian.

Secara keseluruhan, kajian ini menyerlahkan keupayaan pendekatan Terapi Kognitif-Tingkah Laku yang digunakan untuk meningkatkan nilai diri serta menambahbaik potensi positif dalam diri setiap responden. Jika dilihat dari sudut definisi pembelajaran berlandaskan teori behavioris atau tingkah laku, proses pembelajaran dikatakan sebagai proses yang melibatkan perubahan tingkah laku (Skinner, 1985), maka, dapatan kajian ini adalah bertepatan dengan ungkapan tersebut. Kesemua angkuhan yang diukur (iaitu skor untuk tiga subjek peserta; konsep sendiri, tingkah laku pembelajaran dan tingkah laku gaya keibubapaan penjaga peserta) dalam tempoh tiga bulan kajian ini dilaksanakan didapati telah mengalami perubahan tingkah laku yang ketara. Semua aspek tingkah laku yang diukur telah mengalami penambahbaikan berbentuk positif. Walaupun terdapat perubahan yang agak kecil sahaja nilainya, misalnya pencapaian skor matematik responden, namun, situasi berkenaan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang normal masih boleh bergerak ke hadapan dengan lebih baik sekiranya diberi harapan dan sokongan oleh ibu bapa, guru dan persekitaran yang boleh mengawal aktiviti harian mereka.

Secara keseluruhannya juga didapati bahawa gaya keibubapaan juga telah mengalami peningkatan, iaitu ibu bapa semakin kurang bersifat autokratif dan permisif terhadap anak-anak. Ibu bapa mula berubah sikap dan memupuk rasa kasih sayang dengan memberi lebih banyak perhatian terhadap anak-anak. Banyak kajian mendapati bahawa beberapa ciri persekitaran keluarga seperti hubungan yang berkesan antara murid dan ibu bapa, serta harapan ibu bapa terhadap pencapaian pelajaran anak-anak mempengaruhi kecemerlangan anak-anak dalam akademik mereka. Dapatan kajian ini adalah hampir sama dengan dapatan kajian lepas dari segi tingkahlaku kanak-kanak dan pencapaian akademik mereka (Clarke, Hawkin, Murphy & Seeley 1995; Kendall, et al., 2005; Ghafoori & Tracz 2004)

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya mengetengahkan keberkesanan dan kelebihan pendekatan terapi kognitif-tingkah laku dalam tempoh tiga bulan eksperimen yang dijalankan. Kajian ini juga membuktikan bahawa kanak-kanak yang mempunyai latar belakang pencapaian akademik yang rendah dan terpinggir oleh sistem persekolahan semasa serta mempunyai pelbagai masalah akademik dan tingkah laku masih boleh menjalani program penambahbaikan sekiranya diberi perhatian.

Proses penambahbaikan terhadap golongan murid yang bermasalah dan terpinggir daripada sistem persekolahan semasa pada hari ini perlu melibatkan banyak pihak yang digembeling secara bersama. Kajian ini menunjukkan bahawa pihak yang perlu dilibatkan dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian diri murid berpencapaian sederhana dan lemah ini termasuklah guru, kaunselor, ibu bapa dan pihak penaja luar yang bermurah hati

untuk menaja sumbangan. Walaupun dalam kajian ini terdapat angkuabah yang diukur menunjukkan pencapaian nilai penambahbaikan yang kecil sahaja (seperti pencapaian skor subjek matematik), tetapi fonomena ini menjelaskan tentang keperluan responden terhadap proses penilaian yang lebih panjang dan berterusan sejajar dengan cadangan Kendall et. al (2005) dan Freemont (2003).

Pihak berwajib tidak sepatutnya mengambil tindakan mendiskriminasikan kanak-kanak pada peringkat awal persekolahan mereka melalui sistem pengaliran yang ketat tanpa berusaha untuk membantu menambahbaik keupayaan murid itu sendiri. Dalam sebuah kelas yang menempatkan murid berprestasi rendah, misalnya, pihak pentadbir perlu mengetahui tentang seseorang tokoh yang berkeupayaan untuk dicontohi. Pihak sekolah juga perlu memikirkan pilihan yang lebih kreatif bagi menangani masalah dan memberi peluang yang lebih saksama kepada semua kanak-kanak tanpa memilih latar belakang kelas sosial mereka.

Kajian ini secara asasnya menjelaskan tentang keperluan terhadap ibu bapa dan pihak pengurusan sekolah untuk memberikan perhatian kepada kanak-kanak yang mempunyai pencapaian rendah. Golongan murid sebegini juga kebiasaannya turut mempunyai pelbagai masalah pembelajaran dan tingkah laku. Kebanyakan kanak-kanak yang bermasalah ini datang daripada keluarga berpendapatan rendah (SES rendah) dan ibu bapa mereka adalah kurang mampu untuk memberikan sokongan tambahan bagi membaiki pencapaian pelajaran anak-anak. Kanak-kanak ini tidak sepatutnya didiskriminasikan oleh sistem persekolahan, sebaliknya, merekalah yang patut menerima peruntukan kewangan yang lebih besar kerana jumlah murid sederhana dan lemah ini juga lebih besar jumlahnya berbanding jumlah murid cemerlang dan terbilang. Dalam jangka masa panjang, pihak yang membina polisi perlu memberi perhatian kepada golongan berpendapatan rendah dengan mengurangkan beban mereka seperti pengenalan kepada khidmat bas sekolah percuma, sarapan yang lebih bermutu, pakaian sekolah percuma dan mengurangkan beban pelbagai bayaran tambahan di sekolah. Bagi membolehkan guru lebih prihatin dengan keperluan murid pencapaian sederhana dan lemah atau murid bermasalah, kursus asuhan kanak-kanak/keibubapaan perlu diwajibkan kepada semua bakal guru. Kemahiran menangani kes-kes murid berprestasi sederhana dan lemah, ataupun murid yang bermasalah ini membolehkan guru lebih menghayati peranan mereka di sekolah sebagai ganti kepada ibu bapa, seterusnya berkebolehan membimbing ibu bapa dalam aspek keibubapaan. Sekolah perlu dijadikan medan yang selesa bagi kanak-kanak miskin dan mereka tidak merasa diri mereka dibezakan dalam apa bentuk sekali pun.

## Rujukan

- Adelman, H.S & Taylor, L. (1990). Intrinsic motivation and school misbehavior: Some intervention implications. *Journal of Learning Disabilities, 23*, 541-550.
- Alberto, P.A, & Troutman, A.C. (2006). *Applied behavior analysis for teachers (7<sup>th</sup> ed)*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education Inc.
- Ansalone, G. (2003). Poverty, tracking and social construction of failure: International perspective on tracking. *Journal of Children and Poverty, 9*(1), 5-21.
- Astone, N.M & McLanahan, S. (1991). Family structure, parental practices and high school completion. *American Sociological Review, 56* (3), 309-20.
- Baharom, B. (2006). Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di Daerah Pontian, Johor. *Penyelidikan Sarjana Pendidikan, UTM*, [https://www.researchgate.net/publication/46164021\\_Persekitaran\\_Keluarga\\_Da\\_n\\_Kesannya\\_Terhadap\\_Tingkah\\_Laku\\_Devian\\_Remaja\\_Di\\_Daerah\\_Pontian\\_Johor](https://www.researchgate.net/publication/46164021_Persekitaran_Keluarga_Da_n_Kesannya_Terhadap_Tingkah_Laku_Devian_Remaja_Di_Daerah_Pontian_Johor)



- Battle, J. (1981). *Culture-free : Self-Esteem Inventories for children and adults*. Seattle: Special Child Publication.
- Baumrind, D. (1966). Effects of authoritative parental control on child behavior. *Child Development*, 37 (4) ; 887-907.
- Baumrind, D. (1967). Child-care practices antecedents: Three patterns of preschool behavior. *Genetic Monograph*, 75; 43-88.
- Beck, A.T. (1976). *Cognitive therapy and emotional disorders*. NY: International Universities Press
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development. Experiments by nature and design*. Massachusetts: Harvard University Press.
- Bradley, R. & Corwyn, R. (2002). Socioeconomic status and child development. *Annual Review of Psychology*, 53 (1); 371-375.
- Chao, R.K, (2001). Extending research on the consequences of parenting style for Chinese Americans and European Americans. *Child Development*, 72 (6) ;1832-1843.
- Chen, X., Dong, Q., Zhou, H. (1997). Authoritative and authoritarian parenting practices and social and school performance in Chinese children. *International Journal of Behavioral Development*, 21 (4); 855-873.
- Clarke, G.N., Hawkin, M. Murphy, W. & Seeley, J.R. (1995). Targeted prevention of unipolar depressive disorder in an at-risk sample of high school adolescents: A randomized trial of of a group cognitive intervention. *Journal of the American Academy and Adolescents Psychiatry*, 34 (3); 312-321.
- Campbell, D.T. & Stanley, J.C. (1963). *Experimental and quasi-experimental designs for research*. Boston: Houghton Mifflin.
- Cook, T.D, & Campbell. D.T. (1979) *Quasi-experiumental: Design & analysis for field settings*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Darling, N. & Steinberg, L. (1993). Parenting style as context. An integrative model. *Psychological Bulletin*, 113; 487-496.
- Dekovic, M. & Janssens J.M.A.M. (1992). Parent-child rearing styles and child's sociometric status. *Developmental Psychology*, 28 (5) ; 925-932
- Elliot, J. (1991). *Action research for educational change*. Milton Keynes: Open University Press.
- Ellis, A. (1967). *A new guide to rational living*. NY: John Wiley & Son
- Ellis, A. (1967). Rationale-emotive psychotherapy. In D. Arbuckle (Ed.), *Counselling and psychotherapy*. NY: McGraw Hill.
- Esposito, C (1999). Learning in urban blight : School climate and its effect on the school performance of urban minority, low-income children. *School Psychology Review*, 28 (3); 363-377.
- Eysenck, H. (1960). *Behavior therapy and the neuroses*. Pergamom : Oxford.
- Fincham, F.J., Hokoda, A. & Sanders, Jr. R. (1989). Learned helplessness. A test anxiety and academic achievement. A longitudinal analysis. *Child Development*, 60; 138-145.
- Finn, J.D, Pannoza, G.M. & Voekl, K.E. (1995). Dsiruptive and inattentive-withdrawn behavior and achievement among fourth graders. *The Elementary School Journal*, 95; 421-454.
- Freeman, A., & Greenwood, V. (Eds.) (1987). *Cognitive therapy : Application in psychiatric and medical settings*. NY: Human Sciences Press.
- Fremont, W.P. (2003). School refusal in children and adolescents. *American Family Physician*, 15, 68 (8); 1556-1561.
- Gamoran, A & Mare, R.D. (1989). Secondary school tracking, educational and inequality. Compensation, reinforcement, or neutrality? *American Journal of Sociology*, 94; 1146-1183.

- Gay, L.R., Mills, G.E, & Airisian, P.W. (2014). *Educational research: Competencies for analysis and applications*. Edinburgh Gate: Pearson.
- Ghafoori, B. & Tracz, S.M. (2004). Effectiveness of Cognitive-Behavior Therapy in reducing classroom disruptive behavior: A meta-analysis. *ERIC Document Reproduction Service No. ED457182*.
- Goldberg, W.A., Greenberger, E. & Nagel, S.K. (1996). Employment and achievement: Mothers' work involvement in relation to children's achievement behavior and mothers' parenting behavior. *Child Development, 67*; 1329-1344.
- Gottfried, A.W. (1984). *Home environment and early cognitive development. Longitudinal research*. NY : Academic Press.
- Gottfried A & Gottfried, A. (1984). Home environment and cognitive development in young children of middle-socioeconomic-status families. In A. Gottfried (Ed.), *Home environment and early cognitive development* (pp. 57-116), Orlando FL : Academic Press.
- Grieger, R. & Boyd, J. (1980). *Rational-Emotive Therapy: A skills based approach*. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Hamre, B.K, & Pianta, R.C. (2001). Early teacher-child relationships and trajectory of children's school outcomes through eighth grade. *Child Development, 72*(2); 625-638.
- Hau, K.T. & Salili, F. (1993). Measurement of achievement. A review of method, questions, contents and measurement formats. *Educational Psychology Review, 5* (4); 377-422.
- Hilton, J. & Desrochers, S. (2000). The influence of economic strain, coping with roles, and parenting of custodial single mothers and custodial single fathers. *Journal of Divorce and Remarriage, 33* (3); 55-76.
- Hollon, S.D., & Beck, A.T. (1994). Cognitive and cognitive-behavioral therapies. In M.J Lambert, A.E. Bergin & S.L. Garfield (Eds.), *Handbook of psychotherapy and behavior change*. NY: Wiley.
- Kaufman, A.S. & Kaufman, N.Y. (1983). *Kaufman Assessment Battery for Children*. Circle Pines, MN: American Guidance Service.
- Kelley, L.K., Power, T.G. & Wimbush, D.D. (1992). Determinants of disciplinary practices in low-income black mothers. *Child Development, 63* (3) , 573-582.
- Kendall, P.C., Robin, J.A., Hedtke, K.A., Suveg, C., Flannery-Schroeder, E.C. & Gosch, E. (2005). Considering Cognitive Behavior Therapy with anxious youth. Think exposure. *Cognitive Behavioral Practice, 12* (1); 136-148.
- Kendall, P.C. (1994). Treating anxiety disorders in children: Results of a randomized clinical trial. *Journal of Consulting and Clinical Psychology, 62* (1); 100-110.
- Liu, W.C. & Wang, C.K.J. (2005). Academic self-concept: A cross sectional study of grade and gender differences in Singapore Secondary School. *Asia Pacific Education Review, 6* (1); 20-27.
- Lamborn, S. D., Mounts, N. S., Steinberg, L., & Dornbusch, S. M. (1991). Patterns of competence and adjustment among adolescents from authoritative, authoritarian, indulgent, and neglectful families. *Child Development, 62*, (5); 1049-1065.
- Maccoby, E.E & Martin, J.A. (1983). Socialization in the context of the family. Parent-child interaction. In P.H Mussen & E.M. Hetherington (Ed.), *Handbook of child psychology: Volume 4. Socialization, personality, and social development* (pp. 1-101, NY: Wiley.
- Martinez, I., Garcia, J.F., & Yubero, S. (2007). Parenting styles and adolescents' self-esteem in Brazil. *Psychology Report, 100* (3); 731-745.
- Oakes, J. & Lipton, M. (1996). Developing alternatives to tracking and grading. In L. Rendon & R. Hope (Eds.) *Educating a new majority*. San Francisco : Jossey-Bass.

- Pong, S., Johnston, J. & Chen, V. (2010). Authoritarian parenting and Asian adolescent school performance: Insights from the US and Taiwan. *International Journal of Behavior Development*, 34 (1); 62-72.
- Ready, D.D. (2010). Socioeconomic disadvantage, school attendance and early cognitive development. The differential effects of school exposure. *Sociology of Education*, 4 (3); 246.
- Rogers, C. R. (1985). Mental health problems in three elementary school. *Psychological Review*, 92 (4); 548-573.
- Rosello, J., Bernal, G. & Rivera-Medina, C. (2008). Cultural diversity and ethnic minority Psychology (Copyright), *American Psychological Association*. Vol. 14, No 3; 234-245.
- Skinner, B.F. (1985). Cognitive science and behaviorism. *British Journal of Psychology*, 76; 292-301.
- Slavin, R., (1995). *Cooperative learning: Theory, research, and practice*. (2nd ed.), Boston: Allyn and Bacon.
- Slavin, R.E. (1990). Research on cooperative learning: Consensus and Controversy. *Educational Leadership*, 47 (4); 52-54.
- Spence, C., Kettenmann, B., Kopal, G. & McGlone, F.P. (2000). Selective attention to the chemosensory modality. *Perception Psychophysics*, 62 (6); 1265-1271.
- Steinberg, L., Lamborn, S.D., Dornbusch, S.M. & Darling N. (1992). Impact of parenting practices on adolescent achievement: authoritative parenting, school involvement, and encouragement to succeed. *Child Development*, 63 (5); 1266-1281.
- Suboh, A., Azizi, N. & Hamzah, M. (2011). Masalah salah laku agresif di kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan, *Journal of Education Psychology & Counseling*, volume 1 Mac 2011; 77-93.
- Talib, J. (2003). *Work Conditions, Parenting Styles and Children's School Achievement: A Study of Dual Earner Families in Malaysia*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Sydney. Australia.
- Talib, J. (2009). Profesionalisme kaunselor sekolah rendah. *Jurnal Malim, Universiti Kebangsaan Malaysia*, 10; 159-182.
- Sinar Harian*. (2014). Media sosial punca jenayah pelajar makin serius. *Sinar Harian Online*, 9 September; 1.
- Wechsler, D. (1974). *Manual for the Wechsler Intelligence Scale of Children.- Revised*, NY : Psychological Corporation.
- Weiner, B. (1986). An attributional theory of achievement motivation and emotion, Bernard Weiner University of California, Los Angeles. *Educational Research Bulletin* 21 (1942) ; 69-79.
- Weiss, B., Dodge, K.C., Bates. J.E. & Pettit, G.S.(1992). Some consequences of early harsh discipline. Child aggression and maladaptive social information processing style. *Child Development*, 63 (6) ; 1321-1335.
- Wolpe, J. (1958). *Psychotherapy by reciprocal inhibition*. Stanford University Press. ISBN 0804705097.
- Worchel, S., Iuzzini, J., Coutant, D. & Ivaldi, M. (2000). A multidimensional model of identity. Relating individual and group identity for intergroup behavior. In R.Brown & D. Capozza, *Social identity processes : Trends in theory and research*. .London : Sage.
- Yaakub, N.R., Nagappan, R. & Jusoh, A.J (2010). *Bullying among Malaysian elementary school children*. Dicitak dari <http://mahdzan.com/papers/bully/bully.asp>. 10.12.2015.
- Yahaya, A., & Baharom, B. (2010). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja*. Retrieved from Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository: <http://eprints.utm.my/10616/1/6.pdf>.